



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/03/45 (HQ)

TNB MENYERTAI PASARAN SOLAR VIETNAM DENGAN PELABURAN PERTAMA SOLAR PADA BUMBUNG, MELUASKAN PERJANJIAN DENGAN SUNSEAP GROUP

Anak syarikat milik penuh **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, TNB Renewables Sdn. Bhd. akan memperoleh 39% pegangan daripada projek 21.6 megawatt (MW) Sunseap Group dari Singapura yang melibatkan lima loji solar bumbung di Vietnam (Projek). Perolehan ini menjangkau kerjasama TNB dengan Sunseap, menjangkau kerjasama rentas sempadan Malaysia-Singapura bagi memacu perkembangan pesat di dalam pasaran tenaga boleh baharu di Vietnam.

Projek ini telah memperoleh Feed-in Tariff (FiT) menerusi skim FiT2 di Vietnam yang bertujuan menggalakkan pelaburan dalam sumber tenaga boleh baharu melalui tarif harga yang menguntungkan dan di atas pasaran. Setelah mencapai tarikh mula tugas pada Disember 2020, kesemua lima (5) loji kini di bawah Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) 20 tahun dengan syarikat utiliti milik negara itu, Vietnam Electricity untuk membekalkan tenaga bersih kepada grid nasional negara itu. Sunseap kini memegang saham 90% dalam Projek, yang akan berkurang kepada 51% apabila selesai perolehan 39% saham oleh TNB Renewables yang dijadualkan pada suku pertama tahun ini. Syarikat Saham Bersama Sun Times Energy yang menjadi pemegang saham projek itu akan terus memegang 10% kepentingan ekuiti.

Perolehan itu menandakan pencapaian penting bagi TNB dalam usahanya meluaskan jejak tenaga boleh baharu pada peringkat antarabangsa ke Asia Tenggara. Sebelum perolehan ini, penglibatan penajaan tenaga boleh baharu TNB pada peringkat global merangkumi portfolio keseluruhan 2,732.3MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW daripada hidro besar) dan 666MW di UK, Turki dan India melibatkan kebanyakan asset penajaan solar, angin dan hidro. TNB berhasrat untuk mengembangkan portfolio tenaga boleh bahunya kepada 8,300MW menjelang 2025 (termasuk hidro besar).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din menyifatkan perolehan ini sebagai satu lagi langkah dalam merealisasikan cita-cita TNB untuk meluaskan perniagaannya dalam tenaga boleh baharu dan utiliti di Asia Tenggara.

“Perolehan ini akan menjadi titik permulaan bagi penglibatan TNB di Vietnam dan seterusnya menceburi pasaran tenaga boleh baharu dan utiliti yang berkembang pesat di Vietnam. Perolehan ini bertitik tolak daripada kerjasama rentas sempadan Malaysia-Singapura bersama Sunseap dan ia menjadi bukti komitmen kami untuk mentransformasikan TNB sebagai pemain industri tenaga boleh baharu dan utiliti di rantau ini.”

Sunseap adalah satu daripada syarikat solar bumbung terkemuka di Asia Tenggara dan syarikat solar terbesar di Singapura dengan perniagaan solar bersepadu sepenuhnya termasuk penglibatannya dalam segmen peruncitan tenaga. Ia mempunyai kapasiti bersih 1.2 gigawatt (GW) di 11 pasaran dan lebih daripada 200 aset pada pelbagai peringkat pembangunan. Projek solar bumbung 21.6MW terbaharu ini adalah tambahan kepada ladang solar bersakala utiliti 168MW Sunseap yang telah dibina di Vietnam pada 2019. Ia kini sedang membangunkan projek tambahan berkapasiti lebih 650MW di Vietnam.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad adalah syarikat utiliti Malaysia yang terkemuka di Asia dengan penglibatan pada peringkat antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turki, Arab Saudi, Pakistan, India dan Indonesia. Ia berhasrat untuk menjadi penyedia penyelesaian tenaga lestari terkemuka di Malaysia dan antarabangsa. Di bawah komitmen kelestarian Kumpulannya, TNB menyasarkan kapasiti penjanaan RE sejumlah 8.3 GW menjelang 2025. Kumpulan ini berhasrat untuk berhenti melabur dalam loji janakuasa arang batu baharu (greenfield) dan mengehadikan pendapatan daripada loji janakuasa arang batunya pada 25%.

Dalam bidang tenaga boleh baharu, TNB mempunyai portfolio keseluruhan 2,732.3MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 666MW di seluruh UK, Turki dan India, yang kebanyakannya adalah daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro.

Kegiatan teras TNB melibatkan penjanaan, penghantaran, dan pembekalan elektrik. Selain menjadi syarikat penjanaan elektrik utama negara, TNB juga menghantar dan membekal elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 September 2020, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10 juta pelanggan.

TNB melalui anak syarikatnya, juga terlibat dalam pembuatan transformer, alat suis voltan tinggi dan kabel; penyedia perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan dan operasi serta penyelenggaraan kemudahan penyjukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan bekalan bahan bakar; perkhidmatan yang berkaitan dengan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti tenaga; pendidikan tinggi dan latihan kemahiran di samping menjalankan penyelidikan dan pembangunan.

Mengenai Sunseap Group

Sunseap adalah salah satu pemain industri terbesar dan terkemuka dalam industri tenaga solar di rantau ini, dengan projek-projek di Singapura, Australia, Vietnam, China, Taiwan dan Kemboja. Di Malaysia, ia telah menandatangani kerjasama dengan Cenergi SEA Sdn Bhd untuk membekalkan tenaga solar kepada pelanggan kediaman melalui perjanjian penyewaan solar atas bumbung.

Sunseap Group adalah pemaju, pemilik dan pengendali sistem tenaga solar terkemuka di Singapura, dengan kontrak lebih daripada 300 megawatt-peak (MWp) projek tenaga solar. 168 MWp daripadanya telah siap dipasang di lebih daripada 1,500 bangunan di Singapura termasuk kawasan perumahan awam serta bangunan komersial dan perindustrian. Ia beroperasi melalui lima unit utama: Sunseap Leasing, Sunseap International, Sunseap Energy, Sunseap Engineering dan Sunseap Solutions.

Sunseap Leasing adalah syarikat penyewaan solar pertama dan terbesar di Singapura. Sunseap International menasarkankan pasaran di rantau Asia Tenggara dan Pasifik. Ini termasuk ladang solar 168 MWp di Vietnam, 140 MWp di India dan 10 MWp di Kemboja. Sunseap Energy menyediakan penyelesaian tenaga boleh baharu menggunakan pengaturian luar tapak (*off-site arrangement*), melalui sistem solar dalam portfolio penajaan teragih yang dibekalkan Kumpulan itu. Pelanggan Sunseap Energy yang terkenal ialah Apple, yang menandatangani perjanjian dengan Sunseap untuk mendapatkan 100% keperluan tenaga tempatannya daripada sumber boleh baharu. Sunseap Energy turut terlibat sama dalam usaha Microsoft melakukan penyahkarbonan melalui tenaga boleh baharu. Sunseap Engineering menyediakan perkhidmatan kejuruteraan, perolehan dan pembinaan serta pengoperasian dan penyelenggaraan untuk projek PV. Sunseap Solutions menumpukan kepada penyelesaian kecekapan tenaga dengan menyediakan perkhidmatan seperti audit tenaga, pemasangan lampu dan sistem bumbung hijau.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 4 Mac 2021, jam 1:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din